

MAHATHIR-KONVENSYEN

1978

BANGI, 19 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA MENENTUKAN SIKAP DAN MATLAMAT MEREKA DALAM MENGHADAPI DAN MENGATASI MASALAH EKONOMI BUMIPUTERA NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP MEREKA TIDAK AKAN TERLALU TERPENGAROH DENGAN FALSAFAH MARXIST DAN SOSIALISME DALAM MEMIKIRKAN MASALAH ITU.

BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN BUMIPUTERA ANJURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI KAMPUSNYA DI SINI BELIAU MENEGASKAN BAHWA KEBAHAGIAAN DAN KESELESAAN HIDUP MANUSIA ATAU SESUATU BANGSA TIDAK PERASAKAN SEMATA-MATA KEPADA KEKAYAAN MATERIAL.

KATANYA, TIORI BAHAWA SEJARAH MANUSIA ADALAH SEJARAH PERTENTANGAN ANTARA MISKIN DENGAN KAYA SEMATA-MATA ADALAH Cetek DAN TIDAK BENAR.

"MANUSIA TIDAK HIDUP SEMATA-MATA UNTUK MEREPUT KEKAYAAN SEBAGAI CARA MENCAPAI KEBAHAGIAAN DAN KESERONOKAN DI DUNIA.

"SEBALIKNYA, ADA NILAI-NILAI YANG LEBIH TINGGI—NILAI ROHANIAH UMPAMANYA YANG BOLEH MEMBERI KEBAHAGIAAN DAN KETERANGAN JIWA WALAUPUN KEKAYAAN KEBENDAAN TIDAK SEBAGAITU," TEGASNYA.

—BERSAMBUK

HM 1700

MAHATHIR-KONVENSYEN 2 BANGI

194

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BAGAIMANAPUN BERHARAP ORANG-ORANG MELAYU SEBALIKNYA TIDAK AKAN "MENIDANKAN" KESAN DAN PERANAN KEKAYAAN MATERIAL SEHINGGA "KITA MENOLAK SEMUA KEKAYAAN DAN BERKEMPEN UNTUK MENGHAPUS KEKAYAAN DAN SECARA MENYELURUH MENEGECAM MEREKA YANG BERADA."

BELIAU MENEGASKAN KEKAYAAN MATERIAL MEMPUNYAI KEUPAYAAN DUKAN SAJA DALAM MEMBERI PENGHIDUPAN MEWAH TETAPI JUGA UNTUK MENGEKALKAN KEAGAMAAN DAN KEPERCAYAAN KEPADA AGAMA ISLAM SENDIRI.

"RAMAI ORANG-ORANG KETURUNAN ORANG ISLAM TIDAK LAGI ISLAM KERANA SUDAH JATUH MISKIN. MALAH KEMISKINAN MENGHAMPIRI KEKUFURAN DISEBUT DENGAN JELASNYA DALAM QURAN.

"JELAS LAH INI AMAT BEEBEZA DARI ANGGAPAN RAMAI BAHAWA KEMISKINAN ITU ADALAH SAMA DENGAN KEIMANAN YANG KUKUH," TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEKANKAN BETAPA PERLUNYA ORANG-ORANG BUMIPUTERA MEMPUNYAI PERPEKSTIF YANG BETUL TERHADAP FINOMENA "MISKIN DAN KAYA" JIKA MEREKA MAHU MEMBETULKAN KEPINCANGAN EKONOMI YANG ADA SEKARANG.

"JIKA PADA WAKTU KITA SEMUA MISKIN KITA MENGANGGAP KEADAAN ITU TIDAK ADIL, JANGANLAH PULA APADILA SAJA KITA CUBA KURANGKAN KEMISKINAN MAKA KITA KECAM PULA PERUBAHAN YANG BERLAKU.

"KITA TIDAK MUNGKIN DENGAN SEKALI GUS, SRENTAK DAN MENYELURUH MENJADIKAN SEMUA YANG MISKIN ITU KAYA.

"DARI SEGI TAFSIRAN SENDIRIPUN INI TIDAK MUNGKIN. MALAH ADANYA KAYA TIDAK KERANA ADANYA MISKIN—SEKURANG-KURANGNYA SECARA RELATIF," TEGASNYA.

—BERSAMBUK HM 1705

DDM

MAHATHIR-KONVENSYEN 3 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS GOLO-GOLONGAN YANG MENGECEM KEKAYAAN SEBAGAI MATERIALISTIK DAN SEMUA USAHA Mencari KEKAYAAN SEBAGAI HAMPIR PERBUATAN JENYAH.

KATANYA, APABILA INI BERLAKU BUKAN SAJA MASYARAKAT MENJADI KELIRU DAN TIDAK TENTU ARAH MALAH SEMUA INDIVIDU BUMIPUTERA JUGA AKAN HILANG HALUAN.

"HIPOKRISI! MENGUASAI SEMUA LAPISAN SEHINGGA MEREKA YANG SUDAH KAYA HASIL PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU TURUT MENGECEM KEKAYAAN KERAHA KONONNYA BERTENTANGAN DENGAN KEROHANIAN.

"JIKA ADA SATU KETIKA DI MANA RAMAI MELUDAH KE LANGIT-INILAH MASANYA," KATA BELIAU.

MENGENAI KONVENSYEN ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENINGATKAN S PERBINCANGAN DAN PERFAHASANNYA DILAKUKAN BERASASKAN KEPADA "APA YANG BENAR."

"YANG BENAR DALAM KONTEKS INI IALAH YANG UMUM IAITU DASAR EKONOMI BARU-SATU DASAR UMUM YANG MATLAMATNYA SECARA MENYELURUH IALAH MENGURANGKAN KEPINCANGAN ANTARA KAUM DAN MEMBASMI KEMISKINAN."

"DEB TIDAK BERJANJI BAHAWA SETIAP ORANG BUMIPUTERA DI NEGARA INI DAN SETIAP ORANG MISKIN AKAN MENJADI KAYA RAYA. OLEH ITU JI PADA TAHUN 1990 MASIH ADA BUMIPUTERA YANG BUKAN JUTAWAN, INI TIDAK BERMAKNA DASAR INI TELAH GAGAL," TEGASNYA.

—BERSAMBUNG HM 1712

MAHATHIR-KONVENSYEN 4 BANGI

TIMBALAN PERDANA MENTERI IAGAIMANAPUN MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN MENANG PERLU BERUSAHA SEHINGGA SEMUA MENDAPAT NIKMAT YANG LEBIH BANYAK "TETAPI INI BUKANLAH KES NILAI SETITIK."

"SELAGI MASYARAKAT MENGIZINKAN, PASTI AKAN ADA MEREKA YANG MENDAPAT NIKMAT YANG LEBIH DARIPADA YANG LAIN-IAITU MISKIN DAN KAYA SECARA RELATIF TETAP ADA WALAUPUN PADA TAHUN 1990," TEGASNYA.

BELIAU LALU BERHARAP PARA PESERTA KONVENSYEN ITU SEMASA PERBINCANGAN TIDAK AKAN MEMILIH HANYA BEBERAPA CONTOH SAJA ATAU MENEDAKAN BEBERAPA STATISTIK DENGAN MEMBELAKANGKAN CONTOH YANG LEBIH MENYELURUH.

PERBUATAN SAPERTI INI, MENURUTNYA, ADALAH MERUPAKAN "KETIDAK JUJURAN INTELEKTUAL DAN JIKA CERDIKPANDAI TIDAK BERPEGANG KEPADA KEBENARAN, LAIN-LAIN ANGGOTA MASYARAKAT LAIN JUGA TIDAK AKAN MENGHARGAI KEBENARAN.

"MALAH AHLI-AHLI POLITIK YANG INGIN POPULAR AKAN MENGIKUT JEJAK LANGKAH KETIDAK JUJURAN INTELEKTUAL DAN AKAN BOHONG SEPANJANG MASA," TAMBAHNYA.

SAMBIL MENGGESA PARA PESERTA KONVENSYEN SUPAYA BERPEGANG KEPADA KEBENARAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP MEREKA AKAN MENGGANGGAP MALLIS ITU SEBAGAI SATU USAHA SUNGGUH-SUNGGUH BUKAN UNTUK MENDAPAT TEPUK-SORAK YANG GEMURUH DAN POPULARITI POLITIK TETAP UNTUK Mencari JALAN MENJAYAKAN EKONOMI BUMIPUTERA DI NEGARA INI.

"APA YANG DIKEHENDAKI SEKARANG IALAH CADANGAN POSITIF DAN TEPAT YANG BOLEH DILAKSANAKAN OLEH MANUSIA BIASA DAN BUKAN SEKALI LAGI UNTUK MENENTUKAN KESALAHAN PIHAK-PIHAK TERTENTU SAJA," TEGASNYA.

175

MAHATHIR-KONVENSYEN 5 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK D.E.B. DILANCARKAN, RAMAI RAKYAT BUMIPUTERA—BAHKAN HAMPIR SEMUA KHUSUSNYA ORANG ISLAM TELAH MENERIMA NIKMAT SAMADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG.

HAKIKAT INI, TEGASNYA, PERLU DIAKUI DAN DITERIMA.

"MALAH AMATLAH TIDAK SESUAI DENGAN AGAMA ISLAM JIKA KITA MENAFIKAN NIKMAT YANG TELAH KITA TERIMA, KERANA SEMUANYA ADALAH PEMBERIAN TUHAN.

"BAGI MEREKA YANG MENAFIKAN NIKMAT YANG TELAH MEREKA TERIMA, BUKAN SAJA MEREKA TIDAK AKAN MENERIMA NIKMAT LAGI TETAPI MEREKA AKAN MENERIMA KEAZABAN YANG AMAT TERUR.

"APA YANG DIKEHENDAKI OLEH AGAMA ISLAM IALAH SUPAYA KITA TIDAK KETERLALUAN DALAM TUTURKATA DAN GERAKGERI.

"OLEH ITU DALAM MEMPERKATAKAN SESUATU JANGANLAH MELAMPAUI BATAS SEHINGGA TIDAK LAGI BENAR APA YANG KITA PERKATAKAN.

"RAMAI DARI KITA MUDAH TERTARIK DENGAN CARA OVERSTATEMENT DAN EXAGGERATION UNTUK MENARIK PERHATIAN KEPADA THESIS KITA.

"DENGAN INI KEBENARAN TERPAKSA DIKETEPIKAN DAN AKIBATNYA IALAH TINDAKBALAS PERASAAN YANG MELUAP-LUAP DAN BUKAN PERANCANGAN WARAS DAN TERATUR BAGI MENGATASI MASALAH," TEGASNYA.

MAHATHIR-KONVENSYEN 6 BANGI (SAMBUNGAN BERITA B556)

SEBELUM ITU, NAIB CANSELOR UKM TAN SRI DR. ANUWAR MAHMUD MENEGASKAN KONVENSYEN TERSEBUT AMAT CUCUK SEKALI DIADAKAN DI KAMPUS UNIVERSITI ITU KERANA UKM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI NASIONAL PERLU BERSAMA-SAMA DALAM USAHA Mencari JALAN MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH NEGARA SEPerti KEMISKINAN.

BELIAU MENEGASKAN PERSOALAN-PERSOALAN DAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KAUM BUMIPUTERA SELOK-ELOKNYA HENDAKLAH DISELESAIKAN OLEH KAUM BUMIPUTERA SENDIRI.

UKM YANG MEMPUNYAI RAMAI INTELEK BUMIPUTERA, KATANYA, PERLU MENGERAKKAN TENAGA-TENAGA INI SUPAYA DAPAT MENCETUSKAN IDEA-IDEA KE ARAH ITU.

NAIB CANSELOR ITU JUGA BERKATA UKM TELAH DIBENTUK LAPAN TAHUN YANG LALU SERANTAK DENGAN PELANCARAN DASAR EKONOMI BARU DAN UNIVERSITI ITU ANTARA LAIN DITUGASKAN MEMBANTU KERAJAAN DALAM USAHA MEMPERBAIKI LAGI CARA HIDUP DAN EKONOMI BUMIPUTERA.

+ANTARA TUGAS YANG JELAS IALAH MEMBERI PELUANG KEPADA ANAK-ANAK BUMIPUTERA MEMASUKI UNIVERSITI DAN MENGIKUTI PELAJARAN TINGGI DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, + TEGASNYA.

MENURUTNYA, DALAM HUBUNGAN INI UKM TELAH PUN BERJAYA MELAHIRKAN SISWAZAH-SISWAZAH SAINS SEJAK TAHUN 1973 DAN SISWAZAH EKONOMI PADA TAHUN LALU.

UKM PADA TAHUN 1979 PULA AKAN MENEMPA SEJARAH DENGAN MELAHIRKAN SISWAZAH-SISWAZAH PERUBATAN, TAMBAHNYA.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH PRO-CANSELOR UKM TUN TAN SIEW SIN, YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA TAN SRI OMAR YOKE LIN ONG, MENTERI BESAR PERLIS DATUK HAJI JAAFAR HASSAN DAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAN SRI HAMDAN SHEIKH TAHIR. -- BERNAMA 1900/ZCM